A

Pendakwa Raya lwn Jiang Haiyan (W/China)

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-124–11 TAHUN 2014
ZULKIFLI BAKAR H
19 APRIL 2016

C *Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran dadah — Dadah dijumpai di dalam beg yang didakwa kepunyaan tertuduh — Tertuduh dituduh mengedar dadah — Sama ada elemen pengetahuan dibuktikan — Sama ada beg dalam kawalan tertuduh — Sama ada laporan ahli kimia konklusif — Sama ada rantaian keterangan terputus — Sama ada saksi pendakwaan kredibel — Sama ada keterangan saksi pendakwaan boleh diterima — Sama ada pegawai penyiasat menjalankan penyiasatan dengan lengkap — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 39B(1)(a) & (2)*

D

E Imbasan yang dibuat oleh Pegawai Kastam ('SP1') atas bagasi ('P24') yang dibawa oleh tertuduh menunjukkan imej mencurigakan berwarna kehijau-hijauan dan ini dilaporkan kepada SP3. P24 diperiksa dan didapati mengandungi dua gelung berbentuk *PU tube* yang disyaki mengandungi dadah. Tertuduh ditahan oleh pegawai penyiasat ('SP4') manakala SP3
F menggeledah bagasi tersebut dan menjumpai dua gelung mengandungi empat bungkusan plastik lutsinar seberat 3kg. Selesai analisis, P23 dan laporan kimia ('P11') diserahkan kepada SP4 yang kemudian menyimpan P23 di dalam almari berpalang di biliknya. Tertuduh dipertuduh di mahkamah atas tuduhan mengedar 2,187.8g methamphetamine, satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a)
G Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa elemen pengetahuan dibuktikan berdasarkan dadah di dalam P24 dalam kawalan tertuduh sepanjang proses imbasan; cara dadah tersebut dibawa dan disembunyikan di dalam beg tersebut membangkitkan inferens pengetahuan; perlakuan biasa tertuduh menunjukkan pengetahuan tertuduh
H tentang dadah tersebut; analisis SP2 konklusif dan sepatutnya diterima keseluruhannya oleh mahkamah; dan tiada apa-apa gangguan atau usikan berlaku terhadap P24. Dalam hujahan balas, tertuduh menghujahkan bahawa analisis SP2 cacat kerana tidak mematuhi peruntukan s 37(j) ADB; tiada tag penumpang dan pas pelepasan untuk mengaitkan P24 dengan tertuduh;
I rantaian keterangan barang kes terputus apabila SP4 gagal menjelaskan tentang di mana dan bagaimana P24 disimpan olehnya selepas rampasan dibuat; dan terdapat persoalan sama ada P24 benar-benar beg beroda yang dilihat dan dirampas oleh SP1 daripada tertuduh memandangkan P24 yang disahkan di dalam mahkamah tidak beroda.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh:

(1) Sekiranya diteliti keterangan SP1 dan SP3, terdapat keraguan serius tentang identiti ekshibit beg. P24 yang tidak beroda ini bukanlah beg yang dibawa oleh tertuduh. Oleh itu, pihak pendakwaan gagal membuktikan P24 mengandungi dadah di bawah kawalan dan jagaan tertuduh. Percanggahan material ini memberikan faedah keraguan kepada tertuduh (lihat perenggan 24 & 29).

(2) Laporan kimia ('P11') oleh SP2 cukup untuk mengesahkan identiti dadah. SP2 telah menerangkan prosedur yang dijalankan dengan tepat. Selain itu, isu 10% sampel di bawah s 37(j) ADB tidak relevan dalam analisis oleh SP2 (lihat perenggan 31).

(3) Kegagalan SP4 menjelaskan bagaimana dia menjaga barang dadah tersebut dalam masa tujuh hari selepas rampasan dan sebelum penyerahan kepada SP2 memprejudiskan tertuduh dan menjejaskan keadilan terhadap hak tertuduh untuk perbicaraan yang saksama. Kegagalan tersebut melemahkan kes pendakwaan dan menimbulkan keraguan munasabah terhadap identiti barang kes dadah tersebut kerana terputusnya rantaian keterangan tentang kes dadah (lihat perenggan 37).

(4) Keterangan SP1 dan SP3 mengenai ekshibit beg bercanggah dengan keterangan fakta dan barang kes dan menimbulkan keraguan apabila diterima sebahagian dan ditolak sebahagiannya. Kredibiliti SP1 dan SP3 boleh disangsikan dan keterangan SP1 dan SP3 tidak wajar diterima sepenuhnya (lihat perenggan 41–43).

(5) SP4 tidak menjalankan siasatan dengan lengkap kerana mengabaikan perkara seperti tidak menyiasat tentang seorang lelaki bernama Cen Zi Jian yang ditimbulkan oleh peguambela melalui surat kepada timbalan pendakwa raya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Kelompongan dalam kes pendakwaan membolehkan pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 48).

(6) Perlakuan biasa tertuduh tidak boleh digunakan untuk menentukan pengetahuan tertuduh mengenai barang kes dadah tersebut. Berdasarkan keseluruhan kes, lebih selamat dan tidak memprejudiskan mana-mana pihak jika perlakuan tertuduh tidak langsung diambil kira oleh mahkamah sama ada berpihak kepada pendakwaan atau pembelaan (lihat perenggan 49 & 51).

(7) Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan. Tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah di mana terdapat lebih dari satu inferens boleh dibuat. Oleh itu, faedah keraguan hendaklah diberi kepada tertuduh. Keraguan munasabah yang ditimbulkan tidak mewajarkan pembelaan tertuduh dipanggil dalam kes ini (lihat perenggan 53–54).

[English summary

A scan conducted by a customs officer ('SP1') on a luggage ('P24') carried by the accused revealed a suspicious-looking greenish image and this was reported to SP3. P24 was examined and found to contain two tubes in the shape of PU tube, suspected to contain drugs. The accused was arrested by the investigating officer ('SP4') while SP3 searched the luggage and found two tubes containing four transparent plastic weighing 3kg. After the analysis, P23 and the chemist report was handed to SP4 who kept P23 in a cupboard secured with a bar in his room. The accused was charged at the court for the offence of trafficking in 2,187.8g of methamphetamine, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'). The prosecution submitted that the element of knowledge was proved based on the drugs in P24 being under the control of the accused during the scanning process; the way the drugs were carried and concealed in the bag raised inference of knowledge; the accused's casual act showed his knowledge of the drugs; the analysis by SP2 was conclusive and should have been accepted wholly by the court; and there was no tampering on P24. In reply, the accused submitted that SP2's analysis was defective because it did not comply with the provisions of s 37(j) of the DDA; there was no passenger tag and departure pass to link P24 to the accused; there was a break in the chain of evidence when SP4 failed to explain where and how P24 was kept by him after the seizure; and it was questioned whether P24 was the luggage with wheels seen and seized by SP1 from the accused since P24 confirmed in court had no wheels.

Held, acquitting and discharging the accused:

(1) After scrutinising the testimony of SP1 and SP3, there were serious doubts as to the bag exhibit. P24 had no wheel and was not the bag carried by the accused. Therefore, the prosecution failed to prove that P24 contained drugs under the accused's control and possession. The material discrepancy gave the accused benefit of the doubt (see paras 24 & 29).

(2) The chemist report ('P11') and SP1 were sufficient to confirm the identity of the drugs. SP2 had accurately explained the procedure adopted. In addition to that, the issue of 10% sample in the analysis conducted by SP2 under s 37(j) of the DDA was irrelevant (see para 31).

(3) SP4's failure in explaining how he took care of the drugs for seven days after the seizure and before handing the same to SP2 was prejudicial to the accused and occasioned a miscarriage of justice against the accused's right to a fair trial. The failure weakened the prosecution's case and raised reasonable doubt on the identity of the drugs because there was a break in the chain of evidence of drugs (see para 37).

(4) SP1 and SP3's testimonies contradicted with the evidence of fact and

incriminating items and raise doubts when partially accepted, dismissing the rest. The credibility of SP1 and SP3 was doubted and ought not to be accepted entirely (see paras 41–43).

(5) SP4 did not carry out a thorough investigation, neglecting matters such as not investigating on a man known as Cen Zi Jian which was raised by the defence counsel in a letter to deputy public prosecutor, Royal Malaysian Customs Department. The loophole in the prosecution's case warranted the invocation of s 114(g) of the Evidence Act 1950 (see para 48).

(6) The casual act of the accused could not be used to determine the accused's knowledge on the incriminating drugs. Based on the totality of the case, it was safer and not prejudicial to any parties if the accused's act was not taken in consideration by the court to be in favour of the prosecution or the defence (see paras 49 & 51).

(7) The prosecution failed to prove a prima facie case at the end of prosecution's case. The accused had successfully raised reasonable doubt where more than one inference could be made. Therefore, the benefit of the doubt must be given to the accused. The reasonable doubt raised did not warrant the defence to be called in this case (see paras 53–54).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pengedaran dadah, lihat *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 976.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Deepanraj a/l Subramanian v PP [2016] 1 MLJ 413, MR (dirujuk)
Edmon John v PP [2014] 1 LNS 332, MR (dirujuk)
Khoo Hi Chiang v PP and another appeal [1994] 1 MLJ 265, MA (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (diikut)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19, MP (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)
PP v Kandiah a/l Subramaniam [2009] 9 MLJ 558; [2009] 5 CLJ 770, MT (dirujuk)
PP v Liew Oon Kiong [1991] 3 CLJ Rep 593, MT (dirujuk)
PP v Lim Hock Boon [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
PP v Poh Ah Kwang [2003] MLJU 142; [2003] 2 CLJ 722, MT (diikut)
PP v Sulaiman bin Mohamad Noor [1996] 1 MLJ 196, MT (dirujuk)

Sandz Solutions (Singapore) Pte Ltd and others v Strategic Worldwide Assets Ltd and others [2014] 3 SLR 562, MR (dirujuk)
Shamsuddin bin Hassan & Anor v PP [1991] 3 MLJ 314, MA (diikut)
Sia Soon Suan v PP [1966] 1 MLJ 116; [1965] 1 LNS 165, MP (dirujuk)
Teh Hock Leong v PP [2010] 1 MLJ 741, MP (dirujuk)
Teoh Hoe Chye v PP [1987] 1 MLJ 220; [1987] 1 CLJ 471, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 37(j), 39B(1)(a), 39B(2)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Mohd Radzi Shah bin Ab Razak (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia) bagi pihak plaintif.
Naran Singh (Naran Singh & Co) bagi pihak defendan.

Zulkifli Bakar H:

LATAR BELAKANG

[1] Di dalam kes ini OKT telah dituduh dengan pertuduhan seperti di dalam P2 seperti berikut:

> Pertuduhan (P2):
>
> Bahawa kamu pada 31 Disember 2013 jam lebih kurang 1.10 pagi bertempat di Cawangan Pemeriksaaan Penumpang 2 (CPP2) Lapangan Terbang Antarabangsa Terminal LCCT, di dalam daerah Sepang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 2,187.8 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.
>
> Hukuman: Sesiapa yang didapati bersalah hendaklah dihukum dengan hukuman mati.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil empat orang saksi untuk memberikan keterangan di mana fakta kes dapat dirumuskan berdasarkan keterangan kesemua saksi pendakwaan.

FAKTA KES

[3] Pada 31 Disember 2013 jam lebih kurang 1.05 pagi, Pegawai Kastam Puan Hanis Amirah ('SP1') yang sedang bertugas di mesin pengimbas 3 telah membuat pengimbasan terhadap bagasi ('P24') yang dibawa oleh tertuduh.

[4] Hasil imbasan yang diperolehi adalah imej yang berwarna kehijauan dan ini telah menimbulkan kecurigaan. SP1 pun melaporkan perkara mengenai

penemuan imej ini kepada Pegawai Kastam Tuan Guru Moorthy ('SP3'). A

[5] SP3 selanjutnya membawa P24 tersebut ke meja di kaunter pemeriksaan berdekatan dengan mesin pengimbas 3. Setelah diperiksa, P24 adalah berada dalam keadaan tidak berkunci dan kelihatan SP3 mengeluarkan dua gelungan berbentuk *PU tube* dari P24 iaitu ditanda P25 dan P32 yang disyaki mengandungi dadah selepas imbasan dijalankan. B

[6] Selepas itu, tertuduh ditahan dan diminta untuk menyerahkan pasportnya ('P10') dan dibawa ke bilik Pejabat Cawangan Pemeriksaan Khas Penumpang 2, LCCT sementara menghubungi dan menunggu ketibaan Pegawai Penyiasat Tuan Keith Jonathan ('SP4'). C

[7] Lebih kurang satu jam kemudian, pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan yang diketuai oleh SP4 sampai di tempat kejadian dan membuat tangkapan terhadap tertuduh. SP3 diarahkan oleh SP4 untuk menjadi sebagai pegawai pembongkaran. Pembongkaran dilakukan dengan kehadiran SP4 dan di hadapan tertuduh bahawa SP3 telah menjumpai dua gelungan *tube* yang mengandungi jumlah sebanyak empat bungkusan plastik lutsinar (P30, P31, P37 dan P38). Borang bongkar ditanda P12. SP3 telah membuat timbangan berat kasar kesemua bungkusan plastik lutsinar dan mendapati ianya adalah sebanyak 3kg. D E

[8] SP4 menerima empat bungkusan plastik lutsinar tersebut pada 31 Disember 2013 daripada SP3. Kemudian pada 7 Januari 2014, SP4 menghantar kesemua bungkusan dadah ke Jabatan Kimia Malaysia dengan menggunakan kotak bertanda 'A' ('P23') untuk dianalisa. Resit kimia ditanda P9. Setelah selesai dianalisa, SP4 menerima semula P23 daripada ahli kimia ('SP2') berserta dengan laporan kimia ('P11') dan menyimpan P23 tersebut di dalam biliknya di dalam almari berpalang. F G

DI AKHIR KES PENDAKWAAN

Hujahan pihak pendakwaan H

[9] Pihak pendakwaan tidak menggunakan anggapan statutori pengetahuan di bawah undang-undang iaitu s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952, malah memilih untuk membuktikan elemen pengetahuan tertuduh melalui keterangan terus di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu berdasarkan dadah yang ditemui di dalam bagasi ('P24') yang berada dalam kawalan dan jagaannya selama proses pengimbasan dijalankan oleh SP1 (*Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19). I

[10] Pihak pendakwaan juga berhujah bahawa cara dadah tersebut dibawa dan disembunyikan di dalam beg tersebut adalah mencukupi dalam mewujudkan satu inferens bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut di dalam P24 (*Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337).

[11] Justeru itu, pendakwaan juga mengguna pakai s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya yang menunjukkan bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine (*Public Prosecutor v Lim Hock Boon* [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430).

[12] Pihak pendakwaan juga mengemukakan eksibit laporan kimia ('P11') oleh ahli kimia, Dr Vanitha ('SP2') yang mengesahkan barang kes di dalam kes ini adalah dadah jenis methamphetamine. Analisa SP2 dihujahkan sebagai konklusif dan sepatutnya diterima keseluruhannya oleh mahkamah ini (*Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492).

[13] Pihak pendakwaan seterusnya berhujah bahawa tertuduh dan P24 tidak pernah ditinggalkan tanpa pengawasan mana-mana pengawai kastam sejak tertuduh ditahan semasa pengimbasan di kaunter mesin pengimbas 3 sehinggalah SP4 tiba untuk menguruskan barang kes yang dirampas dan menyerahkannya ke Jabatan Kimia Malaysia, juga tidak terdapatnya sebarang gangguan atau usikan (*tampering*) berlaku terhadap barang kes tersebut.

[14] Dalam konteks ini, pendakwaan juga menarik perhatian mahkamah ini kepada isu perlakuan normal tertuduh sepanjang masa P24 dicurigai semasa diimbas sehinggalah terjumpanya dua *PU tube* di dalam P24 tersebut. Pendakwaan menggunakan isu ini untuk berhujah tertuduh sebenarnya mempunyai pengetahuan berkenaan dengan dadah yang dijumpai kerana tertuduh telah ditahan di premis LCCT yang dikawal dengan rapi oleh pihak berkuasa. Sekiranya tertuduh cuba melarikan diri pada masa material tersebut, sudah tentunya tertuduh akan ditahan dan ini boleh menimbulkan syak kepada pihak berkuasa. Dengan ini, pendakwaan memohon mahkamah ini untuk mengambil kira perlakuan biasa tertuduh di dalam kes ini adalah menunjukkan bahawa tertuduh ada pengetahuan tentang dadah yang disimpan olehnya di dalam P24 (*Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 741).

[15] Berhubung dengan kredibiliti saksi-saksi, pendakwaan dalam hujahannya menyatakan bahawa walaupun tedapat sikit percanggahan berkaitan P24 dan tempat pemeriksaan semasa SP1 dan SP3 disoal balas, tetapi ini tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana ianya bukan material dan biasa berlaku memandangkan daya ingatan saksi-saksi adalah berbeza antara satu

dengan lain (*Public Prosecutor v Kandiah a/l Subramaniam* [2009] 9 MLJ 558; [2009] 5 CLJ 770).

Hujahan pihak pembelaan

[16] Peguambela telah berhujah bagi pihak tertuduh bahawa penemuan analisis yang dibuat oleh SP2 adalah cacat kerana tidak mematuhi peruntukan undang-undang di bawah s 37(j) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana beliau gagal menyatakan yang beliau telah mengambil sampel perwakilan sebanyak 10% daripada empat bungkusan plastik yang masing-masing mengandungi bahan kristal jernih.

[17] Tambahan pula, peguambela menghujahkan tiada tag penumpang (ID(P)15) dan juga tiada pas pelepasan (Boarding Pass – ID(P)16 dan ID(P)16A) untuk mengaitkan beg P24 dengan tertuduh semasa P24 dikemukakan kepada mahkamah ini. Malah, tandaan huruf 'C' pada P24 juga hilang berserta tandaan pada gulungan *PU tube* yang tertanggal, telah menunjukkan terdapatnya gangguan terhadap ekshibit-ekshibit tersebut.

[18] Peguambela juga menekankan bahawa tiada penjelasan yang diberikan oleh SP4 mengenai di mana dan bagaimana barang kes disimpan olehnya selepas rampasan dibuat daripada tertuduh pada 31 Disember 2013 di cawangan pemeriksaan penumpang 2, LCCT sebelum beliau serahkan ke Jabatan Kimia Malaysia dan ini menunjukkan rantaian keterangan mengenai barang kes terputus dan telah melemahkan kes pendakwaan. Peguambela selanjutnya berhujah bahawa terdapat keraguan yang serius sama ada dadah yang dirampas pada 31 Disember 2013 adalah ekshibit yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia pada 7 Januari 2014 kerana ia telah mengambil masa tujuh hari sebelum menghantar dadah untuk dianalisa (*Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314; *Public Prosecutor v Poh Ah Kwang* [2003] MLJU 142; [2003] 2 CLJ 722 dan *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220; [1987] 1 CLJ 471).

[19] Bukan itu sahaja, peguambela telah menimbulkan persoalan material kepada mahkamah ini iaitu beg P24 yang disahkan oleh SP1 di dalam mahkamah ini adalah tidak beroda manakala dalam keterangan beliau menyatakan bahawa beliau melihat tertuduh membawa beg beroda dan satu lagi beg sandang. Jadi, adakah P24 ini (yang tidak beroda) adalah benar-benar beg beroda yang dilihat olehnya dibawa oleh tertuduh dan yang dirampas daripada tertuduh pada hari kejadian?

A DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[20] Mahkamah ini setelah menimbang hujahan daripada kedua-dua pihak dan meneliti keterangan yang telah dikemukakan, selanjutnya memberikan keputusan dan alasan-alasan seperti berikut untuk isu yang telah ditimbulkan semasa perbicaraan ini.

Isu pertama: Identiti beg P24 (keraguan)

[21] SP1 memberikan keterangan bahawa beliau melihat tertuduh membawa dua buah bagasi, satu yang beroda dan satu lagi yang disandang. Namun di dalam mahkamah ini, didapati bahawa beg P24 adalah tidak beroda. Gambar-gambar P7(7 dan 8) juga boleh dijadikan sokongan kepada perkara ini.

[22] Melalui gambar-gambar di P7(1, 2 dan 3) yang diambil bersama tertuduh, boleh dilihat secara ketara bahawa gambar tertuduh telah dirakam bersama dengan tiga buah beg termasuklah yang bersandang. Namun begitu, dalam keterangan saksi-saksi material pendakwaan iaitu SP1 dan SP3 telah menyatakan tertuduh hanya membawa dua beg iaitu satu beg beroda dan satu beg sandang. Ini telah mewujudkan keraguan yang serius terhadap kes pendakwaan di mana mahkamah ini tertanya-tanya sama ada beg P24 yang tidak beroda adalah beg yang dimiliki oleh tertuduh pada ketika itu?

[23] Beg P24 telah ditanda 'C' dan boleh dilihat di dalam gambar P7(7), manakala di dalam gambar-gambar P7(40–44), terdapatnya beg-beg lain yang bertanda 'D' dan 'E'. Persoalannya ialah apa yang telah terjadi kepada beg bertanda 'D' dan 'E' dan ini telah gagal dijelaskan oleh pihak pendakwaan.

[24] Pada hemat mahkamah ini, terdapatnya keraguan yang serius tentang identiti eksibit beg sama ada beroda atau yang tidak beroda yang dikatakan mengandungi dadah dan P24 yang tidak beroda ini bukanlah beg yang dibawa oleh tertuduh, sekiranya diteliti daripada keterangan oleh SP1 dan SP3. Oleh itu, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan beg P24 yang mengandungi dadah adalah di bawah kawalan dan jagaan tertuduh.

[25] Mahkamah ini mendapati tag (ID(P)15) pada beg yang dikatakan mempunyai dadah tidak dikemukakan. Walaupun terdapat keterangan daripada SP4 yang menyatakan tag (ID(P)15) telah tercicir dan disokong kewujudannya melalui gambar P7(6), masih tidak dapat menyakinkan mahkamah ini bahawa tag ini adalah kepunyaan beg P24 tersebut. Ini adalah kerana pas pelepasan (*boarding pass* – (ID(P)16) dan (ID(P)16A)) juga gagal dikemukakan oleh pihak pendakwaan kepada mahkamah ini.

Barang/dokumen tersebut kekal sebagai tanda 'ID' dan tidak menjadi ekshibit di dalam kes ini. A

[26] Mahkamah ini berpendapat bahawa tag dan pas pelepasan (*boarding pass*) pada beg P24 tersebut (jika ada) haruslah berpadanan antara satu dengan yang lain dan merupakan keterangan keadaan yang sangat penting kerana nombor siri pada tag pastinya sama dengan nombor siri dalam keratan yang dilekatkan atas pas pelepasan tersebut. Tanpa mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dan tanpa penjelasan yang munasabah mengenainya, ia telah menarik pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap kes ini. B C

[27] Mahkamah ini akur dengan keputusan di dalam kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492, di mana Mahkamah Agung menyatakan seperti berikut: D

> Held:
>
> [1] It is essential to appreciate the scope of s 114(g) of the Evidence act, 1950 lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but a material document by a party in his possession nor for non-production of just any witness but only an important and material witness to the case. E

[28] Mengguna pakai anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 di dalam kes ini, mahkamah ini mendapati pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan pas pelepasan yang terlekat padanya keratan tag untuk bagasi yang didaftar masuk penerbangan dan tidak memberikan penjelasan terhadap statusnya. Pihak pendakwaan didapati telah 'menyembunyikan' fakta yang material mengenai pas pelepasan tersebut sehingga menyebabkan munculnya lompang di dalam kes pendakwaan. F G

[29] Memandangkan kesalahan pengedaran dadah merupakan jenayah yang serius dan boleh membawa kepada hukuman mati apabila disabitkan, semua keterangan yang mempunyai hubungkait dengan barang kes dadah hendaklah dinilai dengan sangat berhati-hati. Seperti di dalam kes di hadapan mahkamah ini, terdapatnya keraguan sama ada barang kes yang betul (iaitu beg yang beroda seperti dinyatakan oleh SP1 dan SP3 dalam keterangan mereka) yang telah dikemukakan ke mahkamah. P24 yang dikemukakan adalah beg yang tidak beroda, sedangkan dadah dikatakan dijumpai di dalam beg yang beroda dan pecanggahan material ini memberikan faedah keraguan kepada tertuduh. H I

Isu kedua: Identiti ekshibit dadah (analisa dan rantaian keterangan)

[30] Mengenai analisa yang dijalankan ke atas dadah, mahkamah ini telah mengambil kira hujahan pihak pembelaan tentang cara analisa ahli kimia (SP2) dengan peruntukan s 37(j) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang berbunyi:

> (j) when any substance suspected of being a dangerous drug has been seized and such substance is contained in a number of receptacles, *it shall be sufficient to analyse samples of the contents of a number not less than ten per centum of such receptacles* and if such analysis establishes that such samples are all of the same nature and description, it shall be presumed, until the contrary is proved, that the contents of all the receptacles were of the same nature and description as the samples so analysed and if such analysis establishes that such samples consist of or contain a dangerous drug, it shall be presumed, until the contrary is proved, that the contents of all the receptacles consist of or contain the same proportion of such drug.

[31] Mengenai isu ini, mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan pembelaan dan berpendapat bahawa laporan kimia ('P11') yang dikemukakan oleh SP2 telah mencukupi untuk mengesahkan identiti dadah tersebut. Ditambah pula SP2 yang telah dapat menjelaskan prosedur dengan tepat iaitu menghomogenkan serbuk dadah terlebih dahulu sebelum menjalankan ujian seterusnya. Lagi pula isu 10% sampel di bawah s 37(j) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah tidak relevan di dalam proses analisa yang dijalankan oleh SP2 ke atas dadah tersebut. Dengan ini, kepakaran dan cara SP2 menganalisa dadah tersebut tidak wajar diragui dan mahkamah ini menerima penemuan beliau.

[32] Dirujuk kepada kes *Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor and another appeal* [1994] 1 MLJ 265:

> ... In considering further *the question of the acceptance of the evidence of the chemist on its face value*, we would also affirm that part of the judgment in *Munusamy v Public Prosecutor* as cited by Hashim Yeop Sani CJ (Malaya), as he then was, in *Public Prosecutor v Lam San* at p 428 as follows:
>
> As to how a trial court should approach the evidence of a chemist, we wish to advert to the judgment of this court in *Munusamy v Public Prosecutor* where in a passage at p 496F, Mohamed Azmi SCJ on behalf of the court put in focus the function of the chemist in a trial of this nature:
>
> We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step.
>
> Two things are implicit in that passage. *First, unless the evidence is so inherently incredible that no reasonable person can believe it to be true, it should be accepted as*

prima facie evidence. Secondly, so long as the evidence is credible, there is no necessity for the chemist to show in detail what he did in his laboratory.

[33] Berkaitan dengan rantaian keterangan mengenai pergerakan barang kes dadah ini, mahkamah ini telah mendengar hujahan pihak-pihak dan mendapati SP4 telah gagal menjelaskan di mana barang kes ini disimpannya setelah dirampas pada 31 Disember 2013 dan sehinggalah 7 Januari 2014. Pada 7 Januari 2014, barulah SP4 menghantar ekshibit dadah tersebut kepada SP2 berdasarkan resit kimia ('P8') dan keterangan yang dikemukakan.

[34] Mahkamah ini juga telah memberikan perhatian yang mendalam kepada otoriti-otoriti yang dirujuk oleh pihak pembelaan:

(a) di dalam kes *Shamsuddin bin Hassan*:

> ... The investigating officer handed over the drugs to the chemist for examination on 12 March 1986. The drugs that were handed over to the chemist were not marked until it was packed six days after the investigating officer had received it from PW4. *There was no explanation what PW4 did with the drugs for more than five hours before he handed it over to the investigating officer*. We are of the view that these are serious gaps in the chain of evidence with regard to the drugs thrown out of the car and the exhibits produced in court. On this ground alone, the appellants should not have been called upon to enter into their defence.

(b) di dalam kes *Public Prosecutor v Poh Ah Kwang*:

> [2] There was a serious gap in the chain of handling the drugs and the exhibits that were produced in court. *There was an unexplained gap of two days, whereof the court had not been told what happened to the drugs and the exhibits during the said period*. On the facts, the drugs and exhibits had just disappeared and reappeared. The court cannot assume that the exhibits tendered in court on 5 September 2002 had been kept safely during the unexplained two days. This is another fatal blow to the prosecution's case. (pp 728 g-h & 729 c)

(c) di dalam kes *Teoh Hoe Chye*:

> Supt Lum would clearly have been able to provide the missing link in the chain of evidence if he had been called to give evidence for the prosecution. For some unknown reasons he was not called. In our view, it was clear that in the particular circumstances of this case, the failure to call this witness had caused a serious break in the chain of evidence relating to the identity of the exhibits. The break was so serious that we do not think there is any statutory cure.

[35] Mahkamah ini merekodkan dapatan bahawa kes-kes *Shamsuddin* dan *Poh Ah Kwang* adalah boleh diguna pakai dan diikuti di dalam keadaan kes ini. Mahkamah wajar menitikberatkan tentang apa yang terjadi kepada barang kes dalam tempoh masa antara rampasan barang kes dadah dibuat dan penyerahan dadah ke jabatan kimia dan selanjutnya dikemukakan di mahkamah semasa

perbicaraan. Pendakwaan wajar menerangkan dan memaparkan rantaian keterangan yang kukuh dan tidak terputus atau meragukan. Mengenai kes *Teoh Hoe Chye*, agak berbeza kerana prinsip tersebut boleh dipakai kerana terdapatnya pihak ketiga yang menyimpan barang dadah tersebut dan saksi yang material telah gagal dipanggil memberi penjelasan. Namun begitu, dalam kes ini mulai dari 31 Disember 2013 (barang kes dirampas) sehingga 7 Januari 2014 (barang kes dihantar ke jabatan kimia) dan SP4 pula tidak pernah menjelaskan di mana dan bagaimana barang kes disimpan dalam keterangannya dan ini membolehkan mahkamah ini tidak menolak kemungkinan terdapatnya pihak lain atau pihak ketiga (bukan SP4) yang menyimpan barang kes dadah tersebut. Sekiranya SP4 menyatakan ada pihak ketiga yang terlibat, pihak lain itu sepatutnya dipanggil untuk memberikan keterangan tentang rantaian keterangan berkaitan barang kes dadah tersebut dan prinsip di dalam kes *Teoh Hoe Chye* boleh juga terpakai. Malangnya dalam kes ini, SP4 langsung tidak menyatakan apa-apa dan suatu kelompangan yang serius telah terjadi mengenai perkara ini.

[36] Mahkamah ini juga ingin memetik penghakiman YA James Foong (sebagaimana beliau ketika itu) di dalam kes *Public Prosecutor v Liew Oon Kiong* [1991] 3 CLJ Rep 593 seperti berikut:

> In this *case the essential exhibits, the brown plastic bag and 66 packets of substances suspected of heroin were not handed over to the IO. These were kept with SD2 for 2 days before he himself personally sent it to the chemist for analysis*.
>
> During this period the exhibits were not weighed and was only casually shown to the IO. Adverse inferences can be drawn from the action of SD2 that P14C 1–66 could have been tampered with and are not those recovered from the said house.
>
> From further evidence adduced it seems as if SD2 was conducting the investigation by even calling the chemist himself and directing the chemist as to where dusting and swapping needs to be done. Even the sketch plan P3 were drawn by SD2 and not the IO in this case.
>
> *This Court finds that due to the actions of SD2 doubts are created as to whether the exhibit so recovered and kept by SD2 are the actual exhibits and that they were not being tampered with*.

[37] Di dalam kes ini, terdapat sebanyak tujuh hari yang tidak pernah dijelaskan oleh SP4 bahawa bagaimana beliau menjaga barang dadah tersebut sejak merampasnya daripada tertuduh. Ia telah dengan seriusnya memprejudiskan tertuduh dan menjejas keadilan terhadap hak tertuduh untuk satu bicara yang saksama. Kegagalan SP4 untuk menyatakan di mana barang kes dadah tersebut disimpan telah melemahkan kes pendakwaan dan menimbulkan keraguan munasabah terhadap identiti barang kes dadah tersebut kerana telah terputus rantaian keterangan tentang pengendalian dadah yang dirampas sehinggalah dikemukakan di mahkamah ini dan sama

ada dadah yang dikemukakan di mahkamah ini adalah dadah yang sama yang dirampas tersebut.

[38] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Sulaiman bin Mohamad Noor* [1996] 1 MLJ 196 yang diputuskan oleh YA Abdul Malik Ishak (sebagaimana beliau ketika itu) dan bersetuju dengan keputusan beliau bahawa:

> It is now a golden rule of law that throughout the burden is upon the prosecution to prove beyond reasonable doubt that the subject matter of the charge, being the cannabis, was the very thing that was recovered from the house and eventually brought before this court. The discrepancies highlighted above raised nagging doubts whether the right exhibits were brought before this court (*Pendakwa Raya v Zainal Abidin bin Mt Sharif* [1993] 2 CLJ 625; [1993] 1 AMR Supp Rep 169 and the cases cited therein), and the upshot of it all was that the accused was entitled to be acquitted and discharged forthwith. This was, in the circumstances, the only recourse open to me.

[39] Oleh itu, mahkamah ini mendapati rantaian keterangan barang kes dadah di dalam kes ini adalah terputus (tidak utuh) dan diburukkan lagi keadaan di mana tertuduh yang tidak diminta untuk menandatangani di borang bongkar ('P12') semasa pembongkaran dibuat dan semasa barang kes dadah diserahkan oleh SP3 kepada SP4 di hadapan tertuduh. Penyerahan barang rampasan harus dilakukan di hadapan tertuduh dan dengan ini tertuduh boleh mengetahui apa yang sedang berlaku terhadap dirinya. Saya juga ingin, sebagai kesimpulan dalam isu ini, merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Sia Soon Suan v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 116; [1965] 1 LNS 165 yang menekankan gangguan dalam rantaian keterangan mengenai pergerakan dadah tersebut telah membuka lompang kepada kes Pendakwaan dan dapat memberikan manfaat keraguan kepada tertuduh. tertuduh tidak harus dipanggil membela diri untuk semata-mata membantu pihak pendakwaan mengisi kelompangan tersebut agar memelihara keadilan terhadap tertuduh. Keperluan dalam undang-undang jenayah tidak akan diberikan kelonggaran di mana-mana jua keadaan dan oleh itu amat penting untuk mengelakkan terputusnya rantaian dalam keterangan mengenai barang kes dan saya petik:

> Nevertheless, the requirements of strict proof in a criminal case cannot be relaxed to bridge any material gap in the prosecution evidence. Irrespective of whether this Court is otherwise convinced in its own mind of the guilt or innocence of an accused, its decision must be based on the evidence adduced and nothing else. This is axiomatic. The directions that we give a jury are no less to be hearkened to by ourselves.

Isu ketiga: Kredibiliti SP1 dan SP3 (perilaku semasa memberi keterangan dan percanggahan material)

[40] Mahkamah ini mengamati keterangan SP1 dan mendapati bahawa beliau memberikan keterangan secara acuh tidak acuh dan banyak perkara yang beliau tidak tahu mengenai tempat kerjanya sendiri apabila ditanya mengenainya. Beliau telah memberikan keterangan yang boleh diragui dan bercanggah iaitu beliau melihat tertuduh membawa beg beroda di mesin pengimbas 3 tetapi telah pula mengesahkan beg yang tidak beroda yang dicamkan olehnya semasa perbicaraan:

(a) walaubagaimanapun, mahkamah ini berpendapat bahawa perilaku (*demeanor*) SP1 semasa memberi keterangan semata-mata tidak boleh dianggap sebagai faktor yang mutlak dalam menentukan kredibilitinya;

(b) mahkamah ini telah juga mengambil kira faktor-faktor berkaitan perilaku SP1 berdasarkan panduan yang termaktub di dalam kes *Sandz Solutions (Singapore) Pte Ltd and others v Strategic Worldwide Assets Ltd and others* [2014] 3 SLR 562. Walaupun kes sivil tetapi boleh terpakai dalam kes jenayah yang menyatakan:

> [46] *This is not to say that judges should not observe and assess a witness's demeanour and behaviour on the witness stand. Such observations should, however, seldom be the sole basis on which the judge determines the credibility of a witness and the veracity of his evidence.* In this regard, the sagacious observations of Lord Devlin in *The Judge* (Oxford University Press, 1979) bear reiterating (at p 63):
>
> The great virtue of the English trial is usually said to be the opportunity it gives to the judge to tell from the demeanour of the witness whether or not he is telling the truth. I think that this is overrated. It is the tableau that constitutes the big advantage, the text with illustrations, rather than the demeanour of a particular witness. On that I would adopt in their entirety (this being the highest form of judicial concurrence) the words of Mr Justice MacKenna:
>
> > I question whether the respect given to our findings of fact based on the demeanour of the witnesses is always deserved. I doubt my own ability, and sometimes that of other judges, to discern from a witness's demeanour, or the tone of his voice, whether he is telling the truth. He speaks hesitantly. Is that the mark of a cautious man, whose statements are for that reason to be respected, or is he taking time to fabricate? Is the emphatic witness putting on an act to deceive me, or is he speaking from the fullness of his heart, knowing that he is right? Is he likely to be more truthful if he looks me straight in the face than if he casts his eyes on the ground perhaps from shyness or a natural timidity? For my part I rely on these considerations as little as I can help.
>
> This is how I go about the business of finding facts. *I start from the undisputed facts which both sides accept. I add to them such other facts as seem very likely to be true,* as, for example, those recorded in contemporary documents or spoken to by independent witnesses like the policeman giving evidence in a running down case

about the marks on the road. *I judge a witness to be unreliable if his evidence is, in any serious respect, inconsistent with these undisputed or indisputable facts, or of course if he contradicts himself on important points.* I rely as little as possible on such deceptive matters as his demeanour. When I have done my best to separate the true from the false by these more or less objective tests, I say which story seems to me the more probable, the plaintiff's or the defendant's.

Like Lord Devlin, we concur with and endorse the approach articulated by Mr Justice MacKenna in so far as it pertains to judicial fact-finding;

(c) daripada keterangan SP1, beliau merupakan saksi yang material dan jawapan beliau kebanyakan tidak tahu tentang banyak perkara yang ditanyakan dan ini menunjukkan beliau mengamalkan sikap lebih baik menjawab tidak tahu daripada menjawab soalan yang boleh memudaratkan kes pendakwaan. Dengan ini, boleh dilihat beliau terlalu berhati-hati dan takut untuk menjawab dan bersikap 'evasive' untuk menjawab soalan semasa memberi keterangannya. Walaubagaimanapun, mahkamah ini tidak menolak sepenuhnya keterangan beliau. Mahkamah ini masih menimbangkan keterangan beliau apabila dipakai dan dipandankan dengan keterangan daripada SP3 dan lain-lain keterangan yang ada sebelum penilaian dibuat.

[41] SP1 yang menyatakan tertuduh membawa beg yang beroda (yang mana dadah dijumpai) sedangkan beg yang dikemukakan di dalam mahkamah ini adalah beg yang tidak beroda dan dicamkan oleh SP1 adalah bercanggah dengan keterangannya sendiri dan ini telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap identiti beg tersebut sama ada yang dibawa oleh tertuduh atau tidak pada hari kejadian. Ini adalah penting kerana tertuduh dikatakan membawa beg yang beroda yang mengandungi dadah yang dinyatakan dalam pertuduhan terhadap tertuduh.

[42] Mengenai SP3 pula, mahkamah ini meneliti borang bongkar ('P12') yang ada mencatatkan terdapatnya pakaian yang dijumpai di dalam beg bersama dadah. Walaubagaimanapun, semasa SP3 memberi keterangan, beliau hanya menyebut pakaian, selepas memotong perkataan 'lelaki' di dalam pernyataan saksinya:

(a) persoalan kepada mahkamah ialah sama ada pakaian yang dijumpai adalah jenis pakaian lelaki atau perempuan atau bayi atau kanak-kanak, tetapi ini langsung tidak dijelaskan oleh SP3;

(b) dengan meneliti P12, mahkamah ini mendapati *item* No 9 ada dicatitkan pakaian berjenama 'Disualize Boy' yang memperkukuhkan keraguan memihak kepada pihak pembelaan iaitu mungkinkah itu pakaian kepunyaan lelaki dan mengapakan tertuduh membawa pakaian lelaki semasa menaiki kapal terbang dari Hong Kong ke Malaysia. Namun, tiada secebis keterangan pun yang menunjukkan tertuduh

datang ke Malaysia bersama seorang lelaki. Mungkinkah perkara ini sengaja disembunyikan oleh SP3? Mengapa pula asalnya pernyataan saksinya tercatit pakaian lelaki?

(c) SP3 telah camkan P24 sebagai beg yang dibuat bongkaran dan beg P24 ini adalah bukan beg yang beroda. Oleh itu, mungkinkah beg beroda yang dibawa oleh tertuduh bukannya beg P24 yang dibongkar oleh SP3? dan

(d) keterangan SP1 dan SP3 adalah bercanggah dengan keterangan fakta dan barang kes dan menimbulkan keraguan apabila diterima sebahagian dan ditolak sebahagiannya seperti yang dinyatakan di atas.

[43] Pada pandangan mahkamah ini, kredibiliti SP1 dan SP3 adalah boleh disangsikan dan diragui serta keterangan mereka tidak wajar diterima sepenuhnya. Rujukan dibuat kepada kes *Edmon John v Public Prosecutor* [2014] 1 LNS 332 yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan seperti berikut:

> [22] *In accepting some and rejecting some other parts of the evidence of the witnesses, we found that this was purely an exercise of judicial function and discretion*. The learned trial judge had noted the following in assessing the evidence of these two witnesses:
>
> Oleh sebab itu mahkamah perlu lebih berhati-hati dalam menimbang keterangan mereka dalam menentukan bahagian mana keterangan mereka yang boleh diterima dan bahagian mana yang tidak boleh diterima. (Page 296 Record of Appeal Jilid III)
>
> [23] *The credibility of a witness is primarily a matter for the trial judge*. When a judge who has seen and heard a witness and makes a conclusion with regard to what weight to be attached, that judgment is entitled to great respect (*Clarke v Edinburgh Tramways Co* 1919 SC (HL) 35, *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1; [2007] 5 CLJ 1). A court is fully competent for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other (*Public Prosecutor v Datuk Harun bin Haji Idris & Ors* [1976] 2 MLJ 116; [1976] 1 LNS 180, *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52 , *Dato Mokhtar Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 2 CLJ 10). Even if a witness is found to be lying on one or two points that does not entitle the court to reject the whole of his evidence. As a matter of prudence his evidence must be treated and scrutinised with great care and indeed suspicion (*Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 105; [1961] 1 LNS 41;).
>
> [24] We at the appellate stage will not readily interfere with the findings of facts arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluating the evidence (*Maju Holdings Sdn Bhd v Fortune Wealth (H-K) Ltd and other appeals* [2004] 4 MLJ 105; [2004] 4 CLJ 282).
>
> [25] The principles of law governing appeals in criminal cases are well established especially on finding of facts involving the evaluation of evidence founded on the credibility of the witness (*Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 , *Sheo Swarup v King-Emperor* (1934) 78 Sol Jo 600; AIR 1934 PC 227).

[26] In the instant appeal, having pursued the appeal records and the judgment of the learned trial judge, we found that His Lordship had carefully analysed all the available evidence before the court before making specific findings of fact founded on the credibility of the witnesses. His Lordship had considered the conflicting evidence of the two prosecution witnesses in the persons of PW5 and PW7 and had undertaken the process of evaluating and discounting certain parts of their evidence. Quoting the words of the learned trial judge, His Lordship as we have stated earlier, had even warned himself to be 'lebih berhati-hati dalam menimbang keterangan mereka'. The learned trial judge is seized with the power to do so and we found he had rightly done so. We will not interfere'.

Isu keempat: Siasatan SP4 yang tidak lengkap

[44] Dalam kes ini, SP4 sebagai pengawai penyiasat pula didapati tidak menjalankan siasatan dengan lengkap kerana telah mengabaikan perkara seperti tidak menyiasat tentang seorang lelaki bernama Cen Zi Jian yang ditimbulkan oleh peguambela melalui surat bertarikh 10 Julai 2015 kepada timbalan pendakwa raya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia ('D43').

[45] Dalam surat D43, peguambela telah memberikan notis yang jelas kepada Pihak Kastam Diraja Malaysia bahawa Cen Zi Jian yang merupakan kawan tertuduh menaiki kapal terbang bersama-sama datang ke Malaysia dan meminta bantuan tertuduh untuk mengambil beg P24 tersebut kerana muatan beg Cen Zi Jian telah melebihi had yang ditetapkan oleh pihak lapangan terbang.

[46] Mahkamah ini, setelah menghalusi fakta dan bukti barang kes ini, memutuskan SP4 gagal menjalankan siasatan yang baik kerana tidak menunjukkan apa-apa usaha yang telah diambil dan termasuklah gagal mendapatkan rakaman CCTV di Lapangan Terbang Hong Kong untuk melihat siapa yang telah mendaftar masuk beg P24 tersebut. Malah dalam rekod penumpang boleh disemak sama ada Cen Zi Jian ini adalah salah seorang penumpang dalam penerbangan yang sama dengan tertuduh. Namun tiada tindakan dibuat oleh SP4.

[47] YA Balia Yusof HMR di dalam kes *Deepanraj a/l Subramanian v Public Prosecutor* [2016] 1 MLJ 413 menyatakan seperti berikut:

[39] *The failure of the police to carry out proper investigation has deprived not only the prosecution but also the defence of the best and most important evidence to resolve the case.* Learned counsel further submitted the failure to do so means, there was withholding or suppression of evidence favourable to the defence and thus the s 114(g) presumption ought to be invoked. We were also reminded of the passage from the judgment of the Federal Court in *Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137 which states:

The accused cannot be penalised for lack of ingenuity in police investigation depriving him of the time honoured benefit of doubt.

[48] Mahkamah ini mendapati penyiasatan SP4 yang tidak lengkap telah membolehkan pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 kerana terdapat banyak kelompangan dibangkitkan di dalam kes pendakwaan iaitu tanpa siasatan pada rakaman CCTV akan memungkinkan lebih daripada satu andaian boleh dibuat iaitu beg P24 mungkin kepunyaan Cen Zi Jian (kawan tertuduh) kerana terdapatnya pakaian lelaki di dalam beg itu seperti yang disahkan di dalam borang bongkar P12 yang dinyatakan sebelum ini. Oleh itu, tidaklah mustahil bahawa Cen Zi Jian wujud dan juga adalah penumpang dalam kapal terbang yang sama dan tuan punya beg tersebut tetapi telah meminta bantuan tertuduh untuk mendaftar bagi pihaknya atau mengambil beg tesebut bagi pihaknya pada masa kejadian itu. Lagi pula terdapat sejumlah tiga beg dalam gambar bersama-sama tertuduh telah dirakamkan. Mungkinkah beg yang beroda kepunyaan tertuduh dan beg P24 bukan kepunyaan tertuduh? Oleh yang demikian, boleh berlaku banyak andaian dan faedah keraguan (*benefit of doubt*) itu hendaklah diberikan kepada tertuduh tanpa keterangan di sebaliknya. Ini semua telah berlaku kerana SP4 gagal menjalankan siasatan yang wajar dan adil di dalam kes ini atau mungkinkah sengaja disembunyikan daripada pengetahuan mahkamah ini?

Isu kelima: Perlakuan biasa (selamba) tertuduh semasa ditahan di LCCT

[49] Mengenai isu ini, mahkamah ini mendapati bahawa perlakuan biasa (selamba) tertuduh tidak boleh digunakan oleh mahkamah ini untuk menentukan sama ada tertuduh ada pengetahuan atau tidak mengenai barang kes dadah yang dijumpai tersebut.

[50] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Teh Hock Leong* memutuskan seperti berikut:

Held, dismissing the appeal:

(1) The appellant was confronted by the police at the arrival gate which is a tight and restricted area with hardly any room for the appellant to make a successful escape. The appellant's chances of a quick getaway were minimal since he was escorted and was within the restricted vicinity of the KLIA building. Any attempt by the appellant to throw away or disassociate himself with the backpack would have been evidently noticeable. Further, since the drugs were so cunningly concealed, there could be no necessity to take such drastic actions which may attract instant suspicion. *Therefore, the appellant's docile conduct throughout the period did not infer an absence of knowledge of the drugs* (see para 5).

[51] Mahkamah ini mendapati tanpa lain-lain keterangan, bahawa

perlakuan biasa (selamba) tertuduh itu tidak boleh dianggap sebagai suatu faktor untuk menyatakan bahawa tertuduh ada atau tiada pengetahuan mengenai dadah di dalam beg tersebut. Mahkamah ini ambil maklum bahawa walaupun tertuduh kelihatan biasa semasa dua *PU tube* dijumpai, tetapi ia mungkin merupakan salah satu taktik tertuduh yang licik untuk berpura-pura menjadi naif dan berkelakuan tidak langsung tahu apa yang sedang berlaku. Lagi pula di dalam situasi kes ini, peluang untuk tertuduh melarikan diri dari bangunan LCCT adalah tipis kerana beliau dikawal dengan begitu rapi dan ketat. Namun begitu di dalam kes ini berdasarkan keseluruhan keadaan kes ini, adalah lebih selamat dan tanpa memprejudiskan mana-mana pihak, supaya faktor perlakuan tertuduh sedemikian tidak langsung diambil kira oleh mahkamah ini sama ada berpihak kepada pendakwaan atau pembelaan.

TIADA KES PRIMA FACIE

[52] Mahkamah ini telah mempertimbangkan keseluruhan keterangan saksi-saksi yang dikemukakan oleh pendakwaan termasuklah faktor-faktor percanggahan keterangan dan terputusnya rantaian keterangan yang telah berlaku dalam kes pendakwaan di peringkat ini.

[53] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh setelah membuat penilaian maksima ke atas keterangan pihak pendakwaan. tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan di mana terdapatnya lebih daripada satu inferens boleh dibuat. Ekoran daripada itu, faedah keraguan hendaklah diberikan kepada tertuduh. Keterangan pihak pendakwaan telah tidak berupaya untuk menyokong suatu sabitan melalui bukti melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh jika tertuduh berdiam diri tanpa mengemukakan keterangan sekiranya pembelaannya dipanggil (*Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393).

[54] Dengan keraguan yang munasabah yang timbul di dalam kes pendakwaan sendiri adalah tidak mewajarkan pembelaan tertuduh dipanggil di dalam kes ini.

[55] Setelah memberi pertimbangan dengan sewajarnya semua faktor-faktor yang relevan seperti yang dinyatakan di atas, mahkamah ini melepaskan dan membebaskan tertuduh di akhir kes pendakwaan tanpa dipanggil membela diri di atas pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang

dikenakan terhadapnya. Pasport ('P10') juga diperintahkan agar dikembalikan kepada tertuduh.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan diakhir kes pendakwaan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar